

# SIARAN MEDIA

## MYMERDEKA SAYANGI MALAYSIAKU MAMPU MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG MEMILIKI JATI DIRI UNGGUL

**BUKIT MERTAJAM, 4 OGOS 2018** – Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) meneruskan penganjuran Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku sempena sambutan Bulan Kebangsaan 2018, bagi tahun ketiga pada tahun ini.

Program ini mempunyai *feel good factor* tersendiri selain mampu mewujudkan masyarakat yang memiliki jati diri yang unggul, memahami dan menerima falsafah serta dasar-dasar negara. Program ini dilaksanakan di lima (5) lokasi dan lokasi yang pertama berlangsung di MYDIN Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 3 hingga 5 Ogos 2018, yang dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Dr. Afif Bahardin. Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Seri Farizan Darus dan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, YBhg. Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman.

Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku adalah pameran berkonsepkan komunikasi visual secara bersemuka yang mendapat kerjasama daripada MYDIN Mohamed Bhd. Program ini mampu memberikan kesedaran kepada para pengunjung melalui penghayatan secara visual yang memaparkan aspirasi atau hasrat kerajaan mewujudkan negara yang bersatu padu dan mengamalkan toleransi antara kaum. Pelbagai pengisian menarik sepanjang tempoh pelaksanaan program antaranya Pameran Sejarah Negara, Pameran Raja Kita, Pameran Koleksi Logo Hari Kebangsaan, Sudut Karikatur, Persembahan PENTARAMA, Pertandingan Bintang Patriotik, Pertandingan Mewarna Untuk Kanak-kanak, Kuiz Kenegaraan, Sudut Tayangan Multimedia dan Video Kenegaraan, Layar Bestari dan Klinik Foto@JaPen.

Orang ramai dijemput memeriahkan empat (4) lokasi lain Program MyMerdeka iaitu:

- i. 16 -19 Ogos 2018 ; MYDIN USJ, Subang Jaya, Selangor
- ii. 30 Ogos – 1 September 2018 ; MYDIN Meru Raya, Ipoh, Perak
- iii. 6-8 September 2018 ; MYDIN Mutiara Rini, Johor
- iv. 14 – 16 September 2018 ; MYDIN Petrajaya, Kuching, Sarawak

Penganjuran Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku ini diharapkan dapat membangkitkan rasa cintakan negara tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan fahaman politik dalam kalangan masyarakat terutama pengunjung yang hadir.

###

Disediakan oleh	:	Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan Malaysia Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya
Telefon	:	03-8911 7381
Faks	:	03-8911 7525
E-mel	:	bmkk@inform.gov.my
Tarikh dikeluarkan	:	4 Ogos 2018